

# SMKDSE juara MSSD kali ke-13



**Antara pelajar dan guru yang terlibat dalam Kejohanan MSSD Batu Pahat kali ke-49 yang menyaksikan SMKDSE menjadi juara.**

**BATU PAHAT** - Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Datuk Syed Esa (SMKDSE) mencatat sejarah tersendiri apabila menjadi juara kali ke-13 pada Majlis Sukan Sekolah-sekolah Daerah (MSSD) Batu Pahat.

Kemenangan itu menyaksikan SMKDSE merampas gelaran juara daripada SMK Seri Gading (Sega) yang menjadi juara pada edisi lalu.

Pengetuannya, Faridah Kalam berkata, sebelum ini sekolahnya telah menyandang juara keseluruhan MSSD selama 12 tahun, bermula tahun 2002 hingga 2013 tetapi tewas kepada Sega pada 2014 dan 2015.

"Dengan berjaya merangkul 24 pingat emas berbanding 14 oleh Sega, mem-

bolehkan kami dinobatkan sebagai juara... selain lima rekod baru berjaya dicatat atlet kami.

"Lebih manis dengan kejayaan ini kami mampu bersaing, malah berjaya menewaskan Sega yang merupakan Sekolah Pusat Latihan Daerah (PLD) Sukan dan Balapan Daerah Batu Pahat," katanya.

Beliau berkata demikian sempena majlis meraikan 57 pelajar yang menyertai MSSD Batu Pahat bagi edisi ke-49 di Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM), minggu lalu.

Hadir sama, Guru Penolong Kanan (GPK), Ahmad Fadhil Yaani dan Ketua Jurulatih Sukan SMKDSE, Muhammad Fitri Abu Hassan Asari.